

SULIT

NO. KAD
PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

GEOGRAFI

Kertas 2

2280/2

November 2021

2 jam 30 minit



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5 SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2021

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian: **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **Bahagian B** serta **dua** soalan daripada **Bahagian C**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** dan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian C** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Jawapan bagi **soalan 2 (a)** hendaklah dilukis pada kertas graf yang disediakan di halaman 14.
7. Ceraikan **Bahagian C** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
8. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan oleh kurungan.
9. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alatan geometri

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	15	
	2	15	
B	3	10	
	4	10	
	5	10	
C	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak


[Lihat halaman sebelah
SULIT

Bahagian A
[30 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 berdasarkan peta topo siri 2280/2/2017 yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


1 (a) (i) Berapakah bearing Bukit Sentosa (RG 585913) dari Bukit Bintang (RG 607900) ?

300 K.O.
.....
[2 markah]



(ii) Mengapakah tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan segi empat grid di atas perlu dikekalkan?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]



(b) (i) Apakah pola petempatan pada segi empat grid di atas?

.....
[1 markah]

(ii) Mengapakah taburan petempatan tertumpu di bahagian tengah peta?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[4 markah]

(c) (i) Nyatakan jenis tanaman kontan yang terdapat di dalam peta.

Gatalak
.....
[1 markah]

(ii) Jelaskan faktor yang menggalakkan tanaman kontan di dalam peta.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
[3 markah]

Soalan 2 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Menunjukkan kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar penduduk Malaysia antara tahun 2017 hingga 2019

Tahun	Kadar kelahiran kasar	Kadar kematian kasar
	(bagi setiap 1,000 orang)	
2017	15.8	5.2
2018	15.5	5.3
2019	15.0	5.3

Sumber : Jabatan Perangkaan penduduk

- 2 (a) Berdasarkan Jadual 1, Lukiskan sebuah graf garisan berganda yang menunjukkan kadar kelahiran kasar dan kadar kematian kasar penduduk Malaysia antara tahun 2017 hingga 2019 pada kertas graf di halaman 14 .
Gunakan skala 1 cm bersamaan 1 bagi setiap 1000 orang.

[8 markah]

- (b) Merujuk kepada graf garisan berganda yang telah dibina, huraikan tentang kadar kelahiran dan kadar kematian penduduk Malaysia antara tahun 2017 hingga 2019.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (c) Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk di Malaysia antara tahun 2017 hingga 2019.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B
[30 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 3 berdasarkan Foto 1 berikut.



Foto 1

3(a) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kejadian di foto 1

.....
.....

[2 markah]

(b) Terangkan kesan fenomena dalam foto 1 terhadap manusia

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- (c) Mengikut kajian, gempa bumi semakin menghampiri Malaysia. Sekiranya ini berlaku, cadangkan langkah-langkah persediaan untuk mengurangkan kesan kejadian tersebut.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Soalan 4 berdasarkan foto 2 berikut.



Foto 2

4 (a) Di peringkat sungai manakah terdapatnya bentuk muka bumi dalam foto 2?

..... [1 markah]

(b) Jelaskan kepentingan kawasan tersebut terhadap alam sekitar dan manusia.

.....
.....
..... [3 markah]

(c) Bagaimanakah tindakan manusia boleh menjejaskan kelestarian kawasan tersebut

.....
.....
..... [3 markah]

(d) Cadangkan usaha-usaha yang boleh diambil untuk melestarikan sungai daripada mengalami kemusnahan.

.....
.....
..... [3 markah]

Soalan 5 berdasarkan foto 3 berikut



Foto 3

5 (a) Berikan dua fenomena cuaca yang mungkin berlaku dalam foto 3.

.....
.....

[2 markah]

(b) Apakah punca berlakunya fenomena cuaca di dalam foto 3?

.....
.....

[2 markah]

(c) Bagaimana fenomena cuaca tersebut memberi kesan terhadap kualiti hidup penduduk di kawasan tersebut.

.....
.....

[3 markah]

- (d) Anda sebagai seorang perancang bandar, cadangkan langkah untuk mewujudkan sebuah bandar lestari.

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian C

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.


Soalan 6 berdasarkan foto 4 berikut.



Foto 4: menunjukkan Gerakan jisim

- 6 (a) Namakan empat proses gerakan jisim yang sering berlaku di kawasan cerun. [4 markah]
- (b) Mengapakah proses gerakan jisim dalam foto 4 boleh berlaku di kawasan cerun. [4 markah]
- (c) Terangkan kesan-kesan proses gerakan jisim dalam foto 4 terhadap alam sekitar. [6 markah]
- (d) Huraikan usaha-usaha yang boleh diambil untuk mengawal proses gerakan jisim tersebut [6 markah]

Soalan 7 berdasarkan Rajah 1 berikut.



Rajah 1: Hierarki petempatan

- 7 (a) Namakan hierarki petempatan yang bertanda X dalam rajah 1. [1 markah]
- (b) Terangkan fungsi petempatan X dalam rajah 1 kepada penduduk di kawasan tersebut. [5 markah]
- (c) Mengapakah berlakunya perubahan sesuatu kawasan bandar menjadi bandar raya? [4 markah]
- (d) Huraikan kesan-kesan urbanisasi terhadap sosio ekonomi penduduk di kawasan tersebut. [6 markah]
- (e) Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mewujudkan sebuah bandar mesra alam. [4 markah]

Soalan 8 berdasarkan Peta 1 di halaman 15

8 (a) Berdasarkan peta 1, namakan zon iklim bagi lokasi berikut:

- (i) P
- (ii) Q
- (iii) R
- (iv) S

[4 markah]

(b) Terangkan pengaruh cuaca dan iklim terhadap kegiatan manusia di kawasan beriklim Khatulistiwa

[6 markah]

Pernyataan berikut berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi mengikut zon iklim.

Terdapat pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di dunia. Tumbuh-tumbuhan dan dan hidupan liar berbeza-beza mengikut zon iklim

(c) Jelaskan ciri-ciri Hutan Hujan Tropika di zon iklim panas.

[4 markah]

(d) Huraikan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar terhadap keseimbangan ekosistem.

[6 markah]

- 9 (a) 'Pengurusan sumber tenaga penting untuk mengelakkan kepupusan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar serta mengurangkan kesan terhadap perubahan iklim dunia.'

Kemukakan pendapat anda tentang kepentingan pengurusan sumber tenaga terhadap alam sekitar

[6 markah]

- (b) Sebagai penduduk yang bertanggung jawab, bagaimanakah anda melakukan penjimatan tenaga dalam aktiviti harian anda.

[4 markah]

- (c) Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi utama di dunia.

[6 markah]

- (d) Apakah sumbangan kegiatan ekonomi utama kepada pembangunan sesebuah negara.

[4 markah]


KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

No. Kad Pengenalan.....

Angka Giliran.....


Mata Pelajaran.....

Graf untuk Soalan.....



GEOGRAFI KERTAS 2

Peta 1 untuk Soalan No. 8 (a) pada halaman 10
(Hendaklah diikat bersama-sama dengan buku jawapan)



Peta 1 : DUNIA

P	
Q	

R	
S	

HALAMAN KOSONG